

01 SEP 2002

Mahathir-ACCCIM/I

PERDANA MENTERI AKAN TEMUI ACCCIM MENGENAI ISU BAHASA INGGERIS

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menemui anggota Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) esok bagi membincangkan cadangan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran sains dan matematik di semula sekolah rendah mulai tahun depan.

Presiden ACCCIM Tan Sri Lim Guan Teck berkata mesyuarat itu akan berlangsung di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya bagi membincangkan cadangan itu yang mendapat reaksi berbeza masyarakat di negara ini.

"Kami akan menemui Perdana Menteri esok, kira-kira 11 orang daripada kami akan berada di sana dan kami akan memberi pandangan mengenai perkara itu," katanya kepada Bernama ketika dihubungi hari ini.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan pendirian atau pendapat ACCCIM mengenai isu itu dan berkata adalah tidak wajar untuk bercakap mengenainya memadamkan perkara itu akan dibincangkan dengan Perdana Menteri.

"Apa yang saya dapat kata, ya, saya akan mengetuai satu delegasi untuk menemui Perdana Menteri esok," kata Lim.

Seorang pembantu Perdana Menteri ketika dihubungi malam ini berkata mesyuarat itu akan diadakan di Jabatan Perdana Menteri pada pukul 4 petang.

"Mereka (anggota ACCCIM) akan menemui Perdana Menteri di pejabatnya pada pukul 4 petang esok, dan ia adalah mesyuarat tertutup," katanya.

Menurut sumber, mesyuarat itu merupakan sebahagian daripada usaha Perdana Menteri untuk mendengar sendiri pandangan masyarakat membabitkan pelaksanaan cadangan terbabit.

Beliau berkata delegasi itu membabitkan tujuh pengerusi ACCCIM negeri serta beberapa anggota daripada persatuan-persatuan Cina utama di negara ini.

Dr Mahathir sebelum ini berkata kerajaan akan meneruskan keputusan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan matematik di sekolah mulai tahun depan.

Bagaimanapun beliau berkata kerajaan memberi peluang kepada orang ramai untuk memberi pandangan masing-masing mengenai isu itu tetapi dalam masa yang sama persediaan untuk menjalankan dasar itu akan diteruskan.

-- BERNAMA

AT HS LAT